

headline	WAJAH BERSERI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	931 cm ²
Journalist	mohd Fauzi	AdValue	RM 34,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,756



■ Tiga jemaah haji baru pulang maut nahas

WAJAH BERSERI

> "Saya lihat wajah ibu bersinar...dia pergi dengan tenang kerana hajatnya untuk ke Tanah Suci Makkah tahun ini termakbul," kata Saidi Sidek, 47, anak kepada Fatimah Said, 63, seorang daripada tiga jemaah haji yang terkorban dalam nahas berhampiran susur keluar plaza tol Gambang, Kuantan awal pagi semalam, lapor Mohd Fauzi Abdullah

KEADAAN bas persiaran dan jenazah jemaah haji yang terkorban, semalam.

>>8&9

headline	WAJAH BERSERI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	931 cm ²
Journalist	mohd Fauzi	AdValue	RM 34,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,756

TRAGEDI PULANG DARI TANAH SUCI

SYAHADAH DI TELINGA IBU

■ **Tiga jemaah baru
balik dari Makkah maut
bas persiaran kemalangan**

Oleh Mohd Fauzi Abdullah

fauzie@mediaprima.com.my

Kuantan

Ketika saya berada di sebelah ibu sambil membisikkan kalimah syahadah ke telinganya, saya lihat wajahnya bersinar walaupun menahan kesakitan akibat kecederaan dialamai.

"Ibu pergi dengan tenang kerana hajatnya untuk menjakkan kaki ke Tanah Suci Makkah tahun ini termakbul dan kami sekeluarga reda dengan pemergiannya," kata Saidi Sidek, 47, anak kepada Fatimah Said, 63, seorang daripada jemaah haji yang terkorban dalam kemalangan maut di Kilometer 210.2, Lebuhraya Pantai Timur (LPT) arah ke Kuantan, empat kilometer dari susur keluar Plaza Tol Gambang, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 3.40 pagi itu, dua lagi mangsa yang terkorban adalah dua beranak, Zainab Awang Hassan, 59, dari Kampung Seri Teruntum dan Kamarudin Ab Rahman, 43, dari Permatang Badak Maju, di sini.

Saidi berkata, dia sepatutnya menjemput arwah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas tiba dari Makkah jam

10 malam, kelmarin.

"Namun, ibu memaklumkan tidak perlu menjemputnya kerana akan pulang ke Kuantan menaiki van disediakan agensi pelancongan swasta yang menguruskan mereka di Makkah bersama jemaah lain dari bandar ini," katanya ketika ditemui di Bilik Mayat Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, semalam.

Menurutnya, jam 4 pagi, dia bersama isteri, Rosfazila Abd Rahim, 44, pergi ke pejabat syarikat agensi itu di Tanah Putih, di sini, untuk menjemput ibunya, namun terkejut apabila dimaklumkan kenderaan dinaiki jemaah berkenaan terbabit kemalangan.

"Dada saya berdegup kencang apabila dimaklumkan perkara itu dan saya serta isteri bergegas ke tempat kejadian untuk melihat apa yang berlaku," katanya yang bekerja sebagai kontraktor.

Saidi berkata, sebaik tiba di tempat kejadian, hatinya sayu apabila melihat ibunya cedera parah selain dua lagi mangsa sudah meninggal dunia.

Dia berkata, ketika itu anggota bomba dan penyelemat dilihat sibuk menge luarkan mangsa tersebut manakala ibunya yang nazak diletakkan di bahu jalan.

"Saya terus menghampiri ibu dan ketika itu, hanya Allah saja tahu betapa sayu serta pilunya perasaan saya melihat ibu dalam keadaan nazak."

"Dalam kepiluan itu, saya lihat wajah ibu amat tenang walaupun menahan kesakitan. Arwah menghembuskan nafas terakhir di sisi saya," katanya.

Menurutnya, sebelum Fatimah berlepas ke Makkah pada pertengahan September lalu, arwah berpesan kepada supaya menjaga adik beradik lain memandangkan bapa mereka sudah lama meninggal dunia.

"Saya dan adik-beradik menghantar arwah ke Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, Selangor, ketika hendak berlepas ke Makkah dulu dan kali ini saya jugalah yang menemuinya ketika dia pulang, namun berlainan keadaannya."

"Bagaimanapun, kami sekeluarga reda kerana hajat ibu menuaikan haji termakbul juga akhirnya," katanya memaklumkan Fatimah pernah menuaikan umrah dua tahun lalu.

Menurutnya, dia berasa sedikit terkilan apabila Fatimah tidak sempat bertemu adik beradiknya yang lain selepas pulang menuaikan haji apabila terlebih dulu dijemputnya akibat kejadian itu.

Sementara itu, anak kepada Allahyarham Zainab, Sofian Ab Rahman, 36, berkata, mereka sekeluarga reda kerana kehilangan dua ahli keluarga serentak dalam kejadian itu.

Katanya, Kamarudin anak sulung daripada enam beradik adalah guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Rangin, di sini, dan kakak iparnya yang cedera, Tuan Mazlinawati Tuan Abdullah, 40, juga seorang guru di SK (SK) Permatang Badak, di sini.

"Kami sekeluarga terkilan apabila rancangan membawa ibu pergi bercuti ke Langkawi, Disember ini selepas pulang dari Makkah tidak kesampaian," katanya.

Headline	WAJAH BERSERI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	931 cm ²
Journalist	mohd Fauzi	AdValue	RM 34,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,756



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam kemalangan, semalam.



ANTARA ahli keluarga mangsa yang sedih menerima berita kematian.

Headline	WAJAH BERSERI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	31 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	1,8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	931 cm ²
Journalist	mohd Fauzi	AdValue	RM 34,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,756

